

PENDEKATAN TERJEMAHAN DERIVASI TAFĀ'ALA DALAM KITAB HADIS SAHIH BUKHARI
TAFĀ'ALA DERIVATION TRANSLATION APPROACH IN THE HADITH OF SAHIH BUKHARI

Muhammad Zaid Shamshul Kamar ¹, Mohamad Redha Mohamad², Muhammad Firdaus Abdul Manaf ^{3*}

¹ Pensyarah, Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). E-mail: muhammadzaid@kuis.edu.my

² Pensyarah, Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). E-mail: mohamadredha@kuis.edu.my

³ Pesyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi Mara, Negeri Sembilan. E-mail: dr.firdausmanaf@gmail.com

* Penulis penghubung

Artikel diterima: 04 April 2021

| Selepas Pembetulan: 09 Mei 2021

| Diterima untuk terbit: 25 Mei 2021

Abstrak

Terdapat dari kalangan penterjemah menghadapi kesukaran dalam mencari padanan terjemahan derivasi atau kata kerja berimbuhan Arab yang paling sesuai. Ini adalah implikasi kegagalan menentukan fungsi terjemahan derivasi sesuatu kata kerja. Penulisan ini memberi tumpuan kepada fungsi terjemahan derivasi tafā'ala (تفاعل) yang bersesuaian dalam Terjemahan Sahih Bukhari (TSB). Objektif kajian adalah untuk melihat sejauh mana penterjemahan Arab Melayu ini dapat dilakukan dengan baik terhadap kata akar yang dimasuki kata imbuhan awalan ta (ت) dan imbuhan sisipan alif (ا) selepas huruf pertama dari kata akar. Sebanyak empat sampel yang ditemui dikaji menggunakan analisis kontrasif dan teori konteks. Dapatan yang diperoleh menunjukkan bahawa dua sampel mengikut padanan fungsi terjemahan dengan baik. Manakala dua sampel lain disertakan dengan cadangan terjemahan lain. Dapatan juga menunjukkan bahawa empat sampel tersebut adalah dari tiga fungsi kata imbuhan yang mewakili 75% daripada fungsi-fungsi kata imbuhan bagi wazn tafā'ala. Kesimpulannya, penterjemahan dilihat berhasil dengan baik dan mampu difahami walaupun terdapat sedikit cadangan penambahbaikan untuk menghasilkan terjemahan lebih natural dan bersesuaian dengan konteks ayat.

Kata kunci

Konteks Ayat, Fungsi Derivasi, Analisis Kontrasif, Kata Akar, Wazn tafā'ala (5 kata kunci)

Abstract

Some translators have difficulty finding the most suitable match of derivative translations or Arabic verbs. This is the implication of the failure to determine the derivative translation function of a verb. This paper focuses on the translation function of the corresponding tafā'ala (تفاعل) derivation in the Sahih Bukhari Translation (TSB). The objective of the study is to see how far this Malay Arabic translation can be done to root prefix entered word ta (ت) and adjustment inserts

alif (ا) after the first letter of the word root. A total of four samples were found to be studied using contrastive analysis and context theory. The findings obtained show that the two samples according to the translation function match well. While two other samples were accompanied by other translation suggestions. The findings also show that the four samples are from the three adjective functions which represent 75% of the adjective functions for wazn tafā'ala. In conclusion, the translation is seen to be successful and comprehensible although there are few suggestions for improvement to produce a more natural translation and appropriate to the context of the sentence.

Keywords

Verse Context, Derivation Function, Contrastive Analysis, Root Words, Wazn tafā'ala

1.0 Pengenalan

Kajian semantik atau kajian makna dikatakan telah wujud pada abad kesembilan belas. Perkataan tersebut adalah dari perkataan Yunani iaitu '*semantikos*' yang membawa makna signifikan. Perkataan tersebut pada hari ini digunakan sebagai rujukan kajian dari sudut hubungan antara suatu perkataan dengan makna (Ibrahim et.al, 2006). Abdullah Hassan (2006) menyebut bahawa salah satu kajian dalam bidang ini ialah meneliti penterjemahan linguistik sesuatu bahasa melalui salah satu unsur utamanya, iaitu melalui bidang morfologi atau saraf. Morfologi merupakan sebahagian daripada unsur bahasa yang mengkaji binaan struktur perkataan. Terdapat dua unsur utama yang terlibat dalam membina perkataan iaitu morfem dan kata. 'Morfem' ialah unit bahasa terkecil yang mempunyai makna atau fungsi tatabahasa tertentu. Ia lebih dikenali sebagai imbuhan. Sebahagian contoh morfem dalam bahasa Arab ialah *hamzah (أ)* pada awal *fi'l thulāthī mazīd* seperti perkataan *af'ala (أَفْعَل)* dan *alif (ا)*

selepas huruf pertama dalam *fi'l thulāthī mazīd* seperti perkataan *fā'ala (فَاعَل)*.

Sebahagian contoh morfem dalam bahasa Melayu pula ialah *ber-* serta *ter-* pada perkataan '*bertanya*' dan '*tertawa*'. 'Kata' ialah unsur yang tidak boleh dikecilkan lagi kerana ia merupakan kata dasar bagi sesuatu perkataan yang digunakan untuk membentuk perkataan yang lain.

Setiap morfem atau imbuhan bahasa Arab mempunyai maksud tersendiri (Aḥmad al-Ḥamlāwī, 2003). Sebagai contohnya ialah perkataan *af'ala (أَفْعَل)*. Penambahan huruf

hamzah (أ) sebagai imbuhan pada awal kata terbitan ini dengan kata dasarnya *fa'ala*

(فَعَل) selepas itu, iaitu (أَفْعَل+ا) membawa banyak fungsi dan salah satu daripadanya ialah *al-ta'diyah* iaitu menukarkan kata kerja tak transitif kepada kata kerja transitif. Kata kerja transitif ialah kata kerja yang tidak boleh berdiri dengan sendirinya (Abdullah Hassan, 2006). Kata kerja ini memerlukan objek di hadapannya sebagai pelengkap. Dalam bahasa Arab, imbuhan awalan *hamzah (أ)* pada awal kata terbitan

(أَفْعَل) ini berfungsi untuk mengubah *fi'l lāzim* kepada *fi'l muta'addī*. *Fi'l lāzim* ialah *fi'l* atau kata kerja yang tidak memerlukan *maf'ūl bih* atau objek pelengkap. Sedangkan *fi'l muta'addī* pula ialah *fi'l* atau kata kerja yang memerlukan *maf'ūl bih* atau objek pelengkap (Ahmad al-Hamlāwī, 2003). Contohnya pada perkataan *aq'ada* (أَقْعَدَ).

Kata kerja tak transitif di sini ialah 'duduk'. Kemudian ditukarkan menjadi kata kerja transitif dengan penambahan imbuhan apitan iaitu *men-* dan *-an*. Kata terbitan di sini ialah *aq'ada* (أَقْعَدَ) iaitu 'mendudukkan'. Kata dasarnya ialah *qa'ada* (قَعَدَ) iaitu 'duduk'. Namun apabila ditambah huruf *hamzah* (أ) pada awal perkataan iaitu (أَقْعَدُ) yang berfungsi sebagai kata imbuhan apitan 'men ... kan', perkataan *aq'ada* (أَقْعَدَ) akhirnya tersebut diterjemahkan sebagai kata kerja berimbuhan baharu yang membawa maksud 'mendudukkan'.

2.0 Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan beberapa pendekatan sebagai sebahagian daripada metodologi kajian. Antaranya adalah :

2.1 Kajian Kepustakaan

Kajian ini mengutamakan konsep kajian kepustakaan untuk pengumpulan data. Rujukan sumber adalah terdiri daripada sumber primier atau utama dan sumber sekunder. Sumber utama dikutip daripada *Terjemahan Sahih al-Bukhari* (TSB) (2011) dan '*Kamus Besar Arab Melayu Dewan*' (KBAMD) (2015), manakala data sekunder pula diperoleh melalui bahan-bahan bacaan yang mempunyai kaitan dengan analisis sampel kajian yang terdiri daripada sebuah buku syarah Hadis ini iaitu *Fath al-Bāri' Fī Sharh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (2018) yang ditulis oleh Ismā'il ibn Kathīr. Selain itu, data sekunder juga diambil daripada bahan-bahan bacaan yang mempunyai kaitan dengan bidang penterjemahan dan topik kajian ini..

2.2 Korpus Kajian

Korpus kajian adalah dari Kitab Jilid 1 daripada *Terjemahan Sahih al-Bukhari* (TSB) yang diterbitkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada tahun 2011. Manakala cetakan adalah dari Percetakan Watan Sdn. Bhd. sebagai cetakan pertama.

2.3 Analisis Data


Kesemua data yang diperoleh akan dianalisis secara kontrasitif dengan menggunakan teori konteks. Berikut adalah keterangan berkenaan analisis data:

i. Analisis Kontrasitif

Kamus Dewan (2016) menjelaskan bahawa kontrasitif ialah sesuatu yang dilakukan untuk menunjukkan terdapat perbezaan. *Kamus Linguistik* (1997) menambah bahawa analisis kontrasitif atau analisis bezaan merupakan satu analisis linguistik yang

menunjukkan perbezaan dan persamaan antara dua bahasa atau lebih, atau antara dua dialek atau lebih dengan tujuan untuk mencari prinsip yang dapat menyelesaikan masalah pengajaran bahasa dan penterjemahan. Maheram (2008) menjelaskannya dengan mengemukakan beberapa kriteria untuk membuat perbandingan tersebut. Pertama adalah perkara yang hendak dibandingkan mestilah dipilih terlebih dahulu kerana membandingkan dua bahasa secara menyeluruh adalah tidak praktikal dan membuang masa. Kedua adalah mencari perkara yang perlu untuk digandingkan atau diletakkan sebelah menyebelah untuk dibuat perbandingan melalui tiga cara sama ada padanan struktural (formal) atau padanan terjemahan atau kedua-duanya sekali, iaitu padanan struktural (formal) dan juga padanan terjemahan.

Dapat dilihat bahawa analisis kontrasitif menjurus kepada kajian terhadap aspek sepadan antara dua bahasa atau lebih, maka ia amat sesuai untuk diaplikasi dalam bidang terjemahan kerana bidang ini pasti melibatkan bahasa yang berbeza-beza di samping aspek padanannya dianggap perkara yang sangat penting dalam penterjemahan. Oleh itu melalui kajian ini, penilaian terjemahan terhadap kata kerja berimbuhan bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu melalui *Terjemahan Sahih al-Bukhari* (TSB) akan dianalisis mengikut pendekatan analisis kontrasitif ini. Penumpuan diberikan kepada perbandingan fungsi kata imbuhan antara kedua-dua bahasa tersebut dengan mengambil kira pertimbangan konteks bahasa dalam memilih perkataan-perkataan tertentu atau ketika menyusun seluruh terjemahan seperti berikut:




Rajah 1. Penilaian terjemahan menggunakan analisis kontrasitif dan teori konteks

ii. Teori Konteks

Menurut Kamus Dewan (2016), teori merupakan asas atau prinsip yang menjadi dasar pembentukan sesuatu pengetahuan, manakala konteks pula ialah keadaan atau latar belakang tertentu yang ada kaitannya dalam menentukan erti sesuatu perkataan. Dapat disimpulkan bahawa teori konteks adalah prinsip asas dalam menentukan makna dengan mengambil kira keadaan atau latar belakang sesuatu ayat (Mohd. Bakri 2010). Ketepatan terjemahan bukan hanya diukur dari aspek padanan sahaja, bahkan ia turut melihat kepada proses pemindahan kemanusiaan (kebudayaan, fikiran, fahaman dan lain-lain) yang lazimnya terikat dengan konteks kerana bahasa sumber dan bahasa sasaran, masing-masing mempunyai taburan leksikal dan gaya bahasa yang tersendiri (Mashudi Kader & Low Bee Eng, 1993).

Secara kesimpulannya, satu kerangka kerja teoritikal dan konseptual dapat difahami. Kajian yang berbentuk kualitatif ini menggunakan kaedah kepustakaan dalam menganalisis dokumen pada *Terjemahan Sahih al-Bukhari* (TSB). Sampel-sampel yang terpilih dianalisis secara kontrasitif untuk mencari titik persamaan dan perbezaan antara kedua-dua bahasa daripada aspek fungsi kata imbuhan yang disisipkan pada sesuatu kata kerja berimbuhan. Penentuan fungsi kata imbuhan yang terdapat pada kedua-dua bahasa pula hanya diketahui berdasarkan konteks ayat yang difahami melalui KBAMD (2015) serta sebuah buku syarah Hadis ini iaitu *Fath al-Bārī Fī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (FBFSSB) (2018) yang ditulis oleh Ismā'īl ibn Kathīr. Ringkasan daripada teoritikal dan konseptual melalui kajian ini adalah seperti berikut.



Rajah 2. Kerangkakerja teoritikal dan konseptual kajian

2.4 Tatacara Analisis Sampel

Sampel dalam kajian ini adalah dari kata kerja berimbuhan māḍī yang berasal daripada wazn *tafā'ala*. Kajian ini melibatkan 5 sampel dari wazn tersebut. Wazn ini terbentuk dengan penambahan dua jenis imbuhan iaitu 'imbuhan awalan' iaitu morfem ta' (ت)

pada awal perkataan dan ‘imbuhan sisipan’ iaitu morfem alif (ا) selepas huruf pertama kata akar. Tatacara analisis sampel akan dilakukan mengikut langkah-langkah berikut:

- i. Teks Hadis yang telah dipilih sebagai sampel akan ditulis berserta rujukan hadisnya.
- ii. Kemudian diikuti oleh teks terjemahan yang diambil daripada *Terjemahan Hadis Sahih al-Bukhari* (THSB).
- iii. Setelah itu, ulasan akan dibuat melalui tiga proses penilaian terjemahan kata kerja berimbuhan bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu.
- iv. Konteks yang mengiringi teks Hadis pada setiap sampel akan diteliti menggunakan sebuah buku syarah Hadis ini iaitu *Fath al-Bāri’ Fī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (2018) yang ditulis oleh oleh Ismā’īl ibn Kathīr untuk melihat sama ada teks terjemahan yang ditulis mengikut konteks asal atau sebaliknya.
- v. Kemudian, fungsi imbuhan bagi setiap sampel pula dikenalpasti berdasarkan kajian konteks sebelum ini untuk melihat kesepadanan makna fungsi kata imbuhan yang sesuai dalam bahasa Melayu pula.
- vi. Akhirnya, jika terjemahan yang diberikan betul dan padanan antara teks Hadis dengan teks terjemahan tepat, maka terjemahan itu akan dikekalkan.
- vii. Jika keadaan berlaku sebaliknya, satu cadangan terjemahan akan dikemukakan.

2.1 Fungsi Derivasi atau Kata Kerja Berimbuhan *Tafā’ala*

Kata Kerja Berimbuhan *tafā’ala* (تفاعَلَ) ini terbentuk dengan penambahan dua jenis imbuhan iaitu ‘imbuhan awalan’ iaitu morfem ta’ (ت) pada awal perkataan dan ‘imbuhan sisipan’ iaitu morfem alif (ا) selepas huruf pertama kata akar. Imbuhan-imbuhan ini membawa banyak maksud dan fungsi. Antaranya ialah:

- i. Ia membawa maksud ‘saling ...’ yang berfungsi sebagai *al-musharakah* atau menunjukkan bahawa sesuatu perbuatan itu dilakukan secara bersama-sama dan kedua-dua pihak menerima kesan perbuatan tersebut (Fakhr al-Din Qubawah, 1994) seperti ayat:

مُحَمَّدٌ وَرَبِّيذٌ فِي الْمَسْجِدِ تَعَارَفَ

Terjemahannya:

Muhammad dan Zaid saling berkenalan di masjid.

Perkataan *ta^oarafa* (تَعَارَفَ) berasal daripada kata akar *o^oarafa* (عَرَفَ) yang bermaksud 'kenal' (KBAMD, 2015). Apabila kata kerja ini ditukarkan kepada bentuk dan maksud *wazn* ini, ia berubah menjadi perkataan *ta^oarafa* (تَعَارَفَ) yang turut menambah terjemahan 'saling ...' pada maksud yang asal sehingga ia difahami dengan pengertian 'saling berkenalan' (KBAMD, 2015).

- ii. Ia membawa maksud 'pura-pura ...' atau *al-takalluf* (Muhammad Muhyi al-Din Abd. al-Hamid, 2003). Sebagai contoh perkataan *tanawama* (تَنَاطَمَ) yang bermaksud 'pura-pura tidur' (KBAMD, 2015) dan *taghafala* (تَغَفَّلَ) yang bermaksud 'pura-pura lupa' (KBAMD, 2015). Kedua-dua perkataan ini berasal daripada kata akar *nama* (نَامَ) yang hanya sekadar bermaksud 'tidur' (KBAMD, 2015) dan *ghafala* (غَفَلَ) yang bermaksud 'lupa' (KBAMD, 2015).
- iii. Ia membawa maksud 'semakin ...' yang menunjukkan sesuatu perbuatan itu berlaku secara beransur-ansur atau *al-tadrij* (Abd. al-Hamid al-Sayyid, 2003). Sebagai contoh perkataan *zada* (زَادَ) yang bermaksud 'bertambah' (KBAMD, 2015) dan perkataan *faqima* (فَقِمَ) yang bermaksud 'sombong' (KBAMD, 2015). Apabila kedua-dua perkataan ini diterbitkan semula dalam bentuk perkataan baharu, iaitu *tazayada* (تَزَايَدَ) dan *tafaqama* (تَفَاقَمَ) kedua-duanya turut menerbitkan maksud baharu, iaitu 'semakin bertambah' (KBAMD, 2015) dan 'semakin sombong' (KBAMD, 2015).
- iv. Berfungsi sebagai *al-mutawa^oah* atau membawa maksud 'ter ...' (Abduh al-Rajhi, 2003). Sebagai contoh seperti perkataan berikut:

عَسَىٰ عَائِدَةٌ مِّنْ بَعْدِ

Terjemahannya:

Aku menjauhinya sehingga dia tersisih daripadaku.

Perkataan *ba^oada* (بَعَدَ) berasal daripada kata akar *ba^ouda* (بَعُدَ) yang bermaksud 'jauh' (KBAMD, 2015). Apabila perkataan ini dimasuki oleh

'imbuhan sisipan' iaitu morfem *alif* (ا) selepas huruf kedua kata akar, ia membentuk kata terbitan baharu iaitu *taba'ada* (تَبَاعَدَ) yang turut menambah imbuhan tambahan pada terjemahan kata akarnya iaitu 'ter ...' sehingga difahami maksudnya sebagai 'terjauh' (KBAMD, 2015). Seterusnya kosa kata maksud ini disesuaikan semula dengan konteks ayat dan diterjemahkan dengan perkataan yang hampir seerti dengannya iaitu 'tersisih'.

3.0 Analisis

Sampel 1: Hadith 3

حدثنا يحيى بن بكير قال: حدثنا الليث، عن عقيل، عن ابن شهاب، عن عروة بن الزبير، عن عائشة أم المؤمنين أنها قالت: أول ما بدئ به رسول ﷺ من الوحي الرؤى الصالحة في النوم، فكان لا يرى رؤى إلا جاءت مثل فلق الصبح، ثم حُبب إليه الخلاء وكان يخلو بغار حراء فيتحنث فيه وهو التعبد الليالي ذوات العدد قبل أن ينزع إلى أهله ويتزود لذلك، ثم يرجع إلى خديجة فيتزود لمثلها، حتى جاءه الحق وهو في غار حراء، فجاءه الملك فقال: اقرأ، قال: ما أ بقرئ، قال: فأخذني فغطني حتى بلغ مني الجهد ثم أرسلني فقال: اقرأ، قلت: ما أ بقرئ، فأخذني فغطني الثانية حتى بلغ مني الجهد ثم أرسلني فقال: اقرأ، فقلت: ما أ بقرئ، فأخذني فغطني الثالثة ثم أرسلني فقال: {اقرأ سم ربك الذي خلق * خلق الإنسان من علق * اقرأ وربك الأكرم} فرجع بها رسول ﷺ يرجف فؤاده، فدخل على خديجة بنت خويلد خ فقال: "زملوني، زملوني". فزملوه حتى ذهب عنه الروع، فقال لخديجة وأخبرها الخبر: "لقد خشيت على نفسي"، فقالت خديجة: كلا، و ما يخزيك أبدا، إنك لتصل الرحم، وتحمل الكل، وتكسب المعدوم، وتقري الضيف، وتعين على نوائب الحق، فانطلقت به خديجة حتى أتت به ورقة بن نوفل بن أسد بن عبد العزى -ابن عم خديجة- وكان امرأ تنصر في الجاهلية، وكان يكتب الكتاب العبراني، فيكتب من الإنجيل لغة عبرانية ما شاء أن يكتب، وكان شيخا كبيرا قد عمي، فقالت له خديجة: ابن عم اسمع من ابن أخيك، فقال له ورقة: ابن أخي ماذا ترى؟ فأخبره رسول ﷺ خبر ما رأى، فقال له ورقة: هذا الناموس الذي نزل على موسى، ليتني فيها جذعا، ليتني أكون حيا

إذ يخرجك قومك، فقال رسول " :أو مخرجي هم؟" قال: نعم، لم ت رجل قط بمثل ما جئت به إلا عودي، وإن يدركني يومك أنصرك نصرًا مؤزرًا ثم لم ينشب ورقة أن توفي وفتر الوحي. قال ابن شهاب: وأخبرني أبو سلمة بن عبد الرحمن أن جابر بن عبد الأنصاري قال وهو يحدث عن فتوة الوحي فقال في حديثه: بينا أ أمشي إذ سمعت صوت من السماء فرفعت بصري فإذا الملك الذي جاءني بحراء جالس على كرسي بين السماء والأرض، فرعبت منه فرجعت فقلت: زملوني، فأنزل تعالى { أيها المدثر * قم فأنذر } إلى قوله { والرحز فاهجر } فحمي الوحي وتتابع. بع عبد بن يوسف وأبو صالح، و بع هلال بن رداد عن الزهري، وقال يونس ومعمرو: بواده.

Maksudnya: Yahya bin Bukair telah menyampaikan kepada kami katanya al-Laits telah menyampaikan kepada kami daripada Aqil daripada Ibnu Syihab daripada Urwah bin al-Zubair daripada Aisyah Ummu al-Mukminin katanya: Pertama kali diturunkan wahyu kepada Rasulullah dengan (perantaraan) mimpi yang benar di dalam tidurnya. Dia tidak bermimpi melainkan datang kepadanya seperti cahaya Subuh. Berikutan dengan itu dia suka membersihkan jiwa dan hati dan dia (selalu) berasing diri di gua Hira. Maka (di situ) dia beribadah dengan agama Hanafiyah dia beribadah di situ beberapa hari dan malam sebelum dia pulang kepada ahlinya, kemudian dia disediakan makanan untuknya (sepanjang masa beribadah) kemudian (setelah habis bekalan) kembali lagi kepada Khadijah, lalu disediakan pula makanan seumpamanya hingga datang kepadanya wahyu (al-Haq) sedangkan dia di dalam gua Hira.

Ketika datang kepadanya malaikat (lantas) berkata: Bacalah. Rasulullah berkata: Aku tidak tahu membaca. Maka dipegang aku dipeluknya bersungguh-sungguh, kemudian dilepaskan aku. Lalu berkata: Bacalah. Aku berkata aku tidak pandai membaca, maka dipegang aku dan dipeluknya bersungguh-sungguh di kali kedua. Kemudian dilepaskan aku lalu berkata dia: Bacalah. aku berkata: Aku tidak tahu membaca, maka dipegang aku dan dipeluknya kali ketiga. Kemudian dilepaskan aku lalu berkata: { اقرأ سم ربك } Bacalah dengan nama tuhanmu yang mencipta. Menciptakan manusia daripada darah (علق). Bacalah dan Tuhan engkau jua Yang Paling Mulia. (Maka setelah itu) Rasulullah kembali kepada Khadijah binti Khuwailid r.a. dalam keadaan ketakutan. Terus masuk kepada Khadijah binti Khuwailid seraya berkata: Selimutkan aku, selimutkan aku, selimutkan aku. Maka diselimutkan dia hingga hilang ketakutan daripadanya. Berkata dia kepada Khadijah dan menceritakan kepadanya perkara yang berlaku. (Akhirnya dia berkata) Demi Allah sesungguhnya aku berasa takut. Maka sahut Khadijah: tidak sekali-kali (apa yang hendak ditakutkan) demi Allah. Allah tidak akan merunsingkan engkau selamanya. (Kerana) Engkau seorang yang suka menghubungkan silaturrahim dan engkau seorang yang suka menanggung kepahitan hidup dan engkau suka mengorbankan tenaga kerana orang yang lemah (tidak berada) dan suka memuliakan

tetamu dan menolong atas yang hak daripada cubaan dan bala. Maka Khadijah bawa Rasulullah kepada Waraqah bin Naufal bin Asad bin Abdul Izza, anak bapa saudara Khadijah, dan dia seorang yang beragama Nasoro ketika jahiliyyah dan seorang penulis buku dalam bahasa Ibrani. Dia menulis kitab Injil dalam bahasa Ibrani mengikut kehendak Allah daripada perkara yang hendak ditulis sementara itu dia seorang yang tua dan buta. Khadijah berkata kepadanya (Waraqah): Hai anak bapa saudaraku! Dengarlah daripada anak saudara engkau (yakni Muhammad), kemudian Waraqah berkata kepadanya: Hai anak saudaraku apa yang telah engkau lihat? Lalu Rasulullah (menceritakan) kepadanya perkara yang telah dilihat. (Akhirnya) Waraqah berkata kepada Rasulullah: Inilah dia Jibril yang telah diturun oleh Allah kepada Nabi Musa. Cita-cita aku padanya (pada ketika nubuwah Muhammad nanti) akan kembali muda, kalau aku masih hidup ketika kaum engkau mengeluarkan engkau dari Mekah (dapat memberi pertolongan) maka kata Rasulullah s.a.w.: Adakah mereka akan mengeluarkan aku? Waraqah berkata: Ya, katanya lagi: Tidak pernah diberi kepada mana-mana lelaki seperti mana yang diberi kepada engkau kecuali bermusuhan-musuhan terhadap engkau dan jika diberi kepada aku masa atau hari engkau itu, aku akan menolong engkau dan membantu dengan sekuat-kuatnya. Kemudian tidak beberapa lama Waraqah meninggal dunia dan wahyu juga terputus. Ibnu Syihab berkata: Abu Salamah bin Abdul Rahman telah mengkhabarkan kepada aku bahawa Jabir bin Abdullah al-Ansari berkata: Dan dia menceritakan (mengenai) masa terputusnya wahyu dia berkata dalam hadisnya: Ketika aku sedang berjalan tiba-tiba kedengaran suara dari arah langit lalu aku angkat pandanganku tiba-tiba malaikat yang datang kepadaku di gua Hira sedang duduk di atas kerusi antara langit dan bumi, maka aku rasa takut lalu aku kembali (kepada ahliku) maka berkata (kepada Khadijah):

Selimutkan aku, maka (ketika itu) Allah Taala turunkan ayat: { أَيُّهَا الْمُدَّثِّرُ * قُمْ فَأَنْذِرْ }

(hingga firman Allah) { وَالرَّجْزَ فَاهْجُرْ }. Maka Wahyu turun dengan banyak dan berterusan. Telah mutabaah akan Yahya bin Bukair (akan Ibnu Syihab Syeikh lil Bukhari) oleh Abdullah bin Yusuf dan Abu Salih. Dan telah mutabaah Uqail bin Khalid (guru al-Laits) oleh Hilal bin Raddad daripada Al-Zuhri. Yunus dan Makmar berkata hadis ini mutawatir.

Analisis:

Fokus dalam sampel ayat hadis ini merujuk kepada kata kerja *madi tataba^{ca}a* (تَتَابَع).

Perkataan ini berasal daripada kata kerja *madi* tiga huruf iaitu *tabi^{ca}a* (تَبِعَ) yang membawa maksud 'berjalan mengikutinya', 'menuntut hak' dan 'mengikuti di belakang' (KBAMD 2015: 200). Kemudian ia ditambah pula dengan kata imbuhan awalan iaitu *ta^{ca}* (ت) pada hadapan katanya dan imbuhan sisipan *alif* (ا) selepas huruf pertama kata akarnya sehingga membentuk kata kerja berimbuhan *madi* baharu iaitu *tataba^{ca}a* (تَتَابَع) mengikut *wazn* atau pola *tafa^{ca}ala* (تَفَاعَلَ) yang membawa maksud 'saling mengikut' dan 'berlari terus berturut-turut' (KBAMD 2015: 200).

Perkataan *tataba^{ca}* (تَتَابَع) yang sudah dimasuki oleh kata imbuhan ini turut menerima perubahan makna rujukan yang baharu. Ibnu Hajar al-^cAsqalani (2013 1: 119-120) menyebut bahawa perkataan *tataba^{ca}* (تَتَابَع) tersebut merujuk kepada maksud berkembang banyak dan juga berterusan kerana perkataan ini menjadi penguat makna kepada perkataan sebelumnya iaitu (حَمِي).

Justifikasinya, kata kerja ini berfungsi sebagai *al-tadrij* (التدرّج) yang membawa maksud 'semakin' yang menunjukkan sesuatu perbuatan itu berlaku secara beransur-ansur. Terjemahan kalimah *tataba^{ca}* (تَتَابَع) di dalam hadis ini adalah 'berterusan'. Terjemahan ini dianggap tepat dengan konteks ayat kerana kalimah *tataba^{ca}* (تَتَابَع) dalam hadis ini menerapkan fungsi *wazn tafa^{ca}ala* (تَفَاعَل).

Sampel 2: Hadith 40

قال مالك أخبرني زيد بن أسلم أن عطاء بن يسار أخبره أن أ سعيّد الخدري أخبره أنه سمع رسول ﷺ يقول إذا أسلم العبد فحسن إسلامه يكفر عنه كل سيئة كان زلفها وكان بعد ذلك القصاص الحسنه بعشر أمثالها إلى سبعمائة ضعف والسيئة بمثلها إلا أن يتجاوز عنها

Maksudnya: Malik berkata: Zaid bin Aslam telah mengkhabarkan kepada aku bahawa 'Ato bin Yasar telah mengkhabarkan kepadanya bahawa Abu Said al-Khudri telah mengkhabarkan kepadanya bahawa dia mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: Apabila seseorang itu memeluk agama Islam dan Islamnya menjadi baik maka Allah akan menarikkan daripadanya segala keburukan yang telah dilakukan dan selepas itu dia akan diberi balasan setiap kebaikan dengan 10 kali sehingga kepada 700 kali ganda dan setiap keburukan dibalas sama dengannya kecuali jika dia diampunkan oleh Allah.

Analisis:

Fokus dalam sampel ayat hadis ini merujuk kepada kata kerja *madi tajawaza* (تَجَاوَزَ).

Perkataan ini berasal daripada kata kerja *madi* tiga huruf iaitu *jaza* (جَزَا) yang membawa banyak maksud termasuklah 'diterima dan dilaksana', 'dimeterai dan dilaksana', 'menjadi sah', 'menempuhnya' dan 'melebihi' (KBAMD 2015: 367). Kemudian ia ditambah pula dengan kata imbuhan awalan iaitu *ta*' (ت) pada hadapan katanya dan imbuhan sisipan *alif* (ا) selepas huruf pertama kata akhirnya sehingga

membentuk kata kerja berimbuhan *madi* baharu iaitu *tajawaza* (تَجَاوَزَ) mengikut *wazn* atau pola *tafa'ala* (تَفَاعَلَ) yang membawa maksud 'mengalihkan pandangan', 'mengampuninya', 'melampauinya' atau 'melewatinya' (KBAMD 2015: 368).

Perkataan *tajawaza* (تَجَاوَزَ) yang sudah dimasuki oleh kata imbuhan ini turut menerima perubahan makna rujukan yang baharu. Ibnu Hajar al-Asqalani (2013 1: 119-120) menyebut bahawa perkataan *tajawaza* (تَجَاوَزَ) tersebut merujuk kepada pengampunan Allah S.W.T. kepada hamba-Nya.

Justifikasinya, kata kerja ini berfungsi sebagai *al-mutawaa'at* (المطأوعة) yang membawa maksud 'ter...' dalam melakukan perbuatan yang dimasuki oleh imbuhan tersebut. Walau bagaimanapun, terjemahan kalimah *tajawaza* (تَجَاوَزَ) di dalam hadis ini adalah 'diampunkan'. Terjemahan ini kurang tepat kerana kalimah *tajawaza* (تَجَاوَزَ) dalam hadis ini tidak menerapkan fungsi *wazn tafa'ala* (تَفَاعَلَ).

Cadangan Terjemahan:

Apabila dilihat melalui konteks terjemahan secara *harfiyyat*, kalimah *tajawaza* (تَجَاوَزَ) bermaksud 'mengampuninya'. Terjemahan ini mempunyai maksud tersirat apabila disesuaikan dengan penggunaan kosakata bahasa Melayu iaitu 'diampunkan'. Namun demikian, terjemahan yang tepat dan lebih sesuai difahami adalah 'terampun' maka potongan hadis (إلا أن يتجاوز عنها) akan lebih tepat jika diterjemahkan kepada 'kecuali jika terampun dosanya oleh Allah'.

Sampel 3: Hadith 49

ب سؤال جبريل النبي ﷺ عن الإيمان والإسلام والإحسان وعلم الساعة وبيان النبي ﷺ له ثم قال جاء جبريل ■ يعلمكم دينكم فجعل ذلك كله ديناً وما بين النبي ﷺ لوفد عبد القيس من الإيمان وقوله تعالى {ومن يبتغ غير الإسلام ديناً فلن يقبل منه}

حدثنا مسدد قال حدثنا إسماعيل بن إبراهيم أخبر أبو حيان التيمي عن أبي زرعة عن أبي هريرة قال كان النبي ﷺ رزاً يوماً للناس فأه جبريل فقال ما الإيمان قال الإيمان أن تؤمن بالله وملائكته وبلقائه ورسله وتؤمن لبعث قال ما الإسلام قال الإسلام أن تعبد ولا تشرك به

وتقيم الصلاة وتؤدي الزكاة المفروضة وتصوم رمضان قال ما الإحسان قال " أن تعبد كأنك تراه فإن لم تكن تراه فإنه يراك قال متى الساعة قال ما المسئول عنها علم من السائل وسأخبرك عن أشراطها إذا ولدت الأمة ربتها وإذا تطاول رعاة الإبل البهيم في البنيان في خمس لا يعلمهن إلا ثم تلا النبي ﷺ { إن عنده علم الساعة } الآية ثم أدبر فقال رده فلم يروا شيئا فقال هذا جبريل جاء يعلم الناس دينهم قال أبو عبد جعل ذلك كله من الإيمان

Bab pertanyaan Jibrail kepada Nabi s.a.w. mengenai Iman, Islam dan Ihsan, dan tentang bilakah diketahui waktu kiamat, dan keterangan nabi kepadanya kemudian beliau bersabda: Jibrail a.s. telah datang untuk mengajarkan kepada kamu agama kamu dan menjadikan semuanya agama. Juga keterangan Nabi s.a.w. kepada rombongan Abdul Qais mengenai Iman juga mengenai firman Allah Taala: "Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan dia pada hari akhirat kelak daripada orang-orang yang rugi."

Maksudnya: Musaddad telah menyampaikan kepada kami katanya Ismail bin Ibrahim telah menyampaikan kepada kami katanya Abu Hayyan al-Taimiy telah mengkhabarkan kepada kami daripada Abu Zar'ah daripada Abu Hurairah katanya: Pada suatu hari Nabi s.a.w. muncul kepada orang ramai lalu datang Jibrail menemuinya dan bertanya apakah Iman? Jawab beliau: Iman ialah engkau percaya kepada Allah kepada malaikat-malaikat-Nya kepada pertemuan dengan-Nya dan kepada rasul-rasul-Nya juga engkau beriman kepada kebangkitan." Dia bertanya lagi apakah Islam? Jawab beliau: "Islam ialah engkau menyembah Allah dan tidak mempersekutukan-Nya engkau mendirikan solat menunaikan zakat yang wajib dan berpuasa pada bulan Ramadan." Dia bertanya lagi apakah Ihsan? Jawab beliau: "Ihsan ialah engkau menyembah Allah seolah-olah engkau melihat-Nya jika engkau tidak melihat-Nya maka sesungguhnya Allah melihat engkau." Dia bertanya lagi bilakah hari kiamat? Jawab beliau: "Orang yang ditanya mengenai kiamat itu bukankah lebih tahu daripada orang yang bertanya dan aku akan ceritakan kepada engkau tentang tandatandanya iaitu apabila hamba perempuan melahirkan tuannya, dan apabila gembalagembala unta yang hitam berlumba-lumba membina bangunan (ilmu waktu hari kiamat itu) adalah termasuk dalam lima perkara yang tiada sesiapa pun mengetahuinya melainkan Allah. Kemudian Nabi s.a.w. membaca ayat (Sesungguhnya di sisi Allah sahaja pengetahuan yang tepat tentang hari kiamat), kemudian lelaki itu berundur dari situ lalu beliau bersabda: "Kembalikan orang itu ke sini" tetapi mereka tidak melihat sesuatu pun lalu beliau bersabda: "Itulah Jibrail yang mengajar manusia tentang agama mereka" Ujar Abu Abdullah ia jadikan semuanya itu daripada iman.

Analisis:

Fokus dalam sampel ayat hadis ini merujuk kepada kata kerja *madi tatawala* (تَطَاوَلَ).

Perkataan ini berasal daripada kata kerja *madi* tiga huruf iaitu *tala* (طَالَ) yang membawa maksud 'menjadi panjang', 'memberi pemberian' dan 'lebih tinggi' (KBAMD 2015: 1479). Kemudian ia ditambah pula dengan kata imbuhan awalan iaitu *ta'* (ت)

pada hadapan katanya dan imbuhan sisipan *alif* (ا) selepas huruf pertama kata akarnya sehingga membentuk kata kerja berimbuhan *madi* baharu iaitu *tatawala* (تَطَاوَلَ) mengikut *wazn* atau pola *tafa'ala* (تَفَاعَلَ) yang membawa maksud 'menjadi panjang', 'mencekup', 'memanjangkan leher untuk melihat' atau 'berpura-pura panjang', 'membesar diri', 'memberi', 'mencerebui' atau 'berlawanan tentang panjang atau tinggi' (KBAMD 2015: 1480).

Perkataan *tatawala* (تَطَاوَلَ) yang sudah dimasuki oleh kata imbuhan ini turut menerima perubahan makna rujukan yang baharu. Ibnu Hajar al-Asqalani (2013 1: 119-120) menyebut bahawa perkataan *tatawala* (تَطَاوَلَ) tersebut merujuk kepada sifat bangga dalam mendirikan bangunan tinggi dan memperbanyakkannya.

Justifikasinya, kata kerja ini berfungsi sebagai *al-tadrij* (التدرّيج) membawa maksud 'semakin' yang menunjukkan sesuatu perbuatan itu berlaku secara beransur-ansur. Walau bagaimanapun, terjemahan kalimah *tatawala* (تَطَاوَلَ) di dalam hadis ini bermaksud 'berlumba-lumba'. Terjemahan ini kurang tepat kerana kalimah *tatawala* (تَطَاوَلَ) dalam hadis ini tidak menerapkan fungsi *wazn tafa'ala* (تَفَاعَلَ).

Cadangan Terjemahan:

Apabila dilihat melalui konteks terjemahan secara *harfiyyat*, kalimah *tatawala* (تَطَاوَلَ) bermaksud 'membesar diri'. Terjemahan ini mempunyai maksud tersirat apabila disesuaikan dengan penggunaan kosakata bahasa Melayu iaitu 'berlumba-lumba'. Namun demikian, terjemahan yang tepat dan lebih sesuai difahami adalah 'semakin membesar diri atau semakin bangga' maka potongan hadis (وَإِذَا تَطَاوَل رِعَاةَ الْإِبِلِ الْبُهْمِ فِي) (البنیان) akan lebih tepat jika diterjemahkan kepada 'dan apabila gembala-gembala unta yang hitam semakin bangga membina bangunan'.

Sampel 4: Hadith 89

حدثنا أبو اليمان أخير شعيب عن الزهري ح قال أبو عبد وقال ابن وهب أخير يونس عن ابن شهاب عن عبيد بن عبد بن أبي ثور عن عبد بن عباس عن عمر قال كنت أوجار لي من الأنصار في بني أمية بن زيد وهي من عوالي المدينة وكنا نتناوب النزول على رسول ﷺ ينزل يوما وأنزل يوما فإذا نزلت جثته بخبر ذلك اليوم من الوحي وغيره وإذا نزل فعل مثل

ذلك فنزل صاحبي الأنصاري يوم نوبته فضرب بي ضر شديدًا فقال أثم هو ففزعت فخرجت إليه فقال قد حدث أمر عظيم. قال فدخلت على حفصة فإذا هي تبكي فقلت طلقكن رسول ﷺ قالت لا أدري ثم دخلت على النبي ﷺ فقلت وأ قائم أطلقت نساءك قال لا فقلت أكبر

Abu al-Yaman menyampaikan kepada kami Syuaib telah menceritakan kepada kami daripada az-Zuhri Abu Abdullah berkata Ibnu Wahab berkata telah disampaikan kepada kami oleh Yunus daripada Ibnu Syihab daripada Ubaidullah bin Abdullah bin Abu Tsaur daripada Abdullah bin Abbas daripada Umar katanya ketika aku dan seorang jiranku daripada kaum Ansur berada (bersama) Bani Umayyah bin Zaid, dia (kaum Bani Umayyah) berasal dari hujung kampung berhampiran dengan bandar Madinah, (kata Umar) kami bergilir (bergantian) datang kepada Nabi sallallahu alaihi wasallam satu hari dia (jiran) datang dan pada satu hari lain aku yang mendatangi nabi bila aku mendatangi nabi aku membawa kepadanya dengan berita yang berlaku pada hari itu, iaitu mengenai wahyu dan lain-lainnya, dan bila dia yang mendatangi nabi beliau membuat seumpama ini lalu sahabatku daripada kaum Ansur tadi datang kepada nabi di hari gilirannya, tiba-tiba (sewaktu pulang) dia mengetuk pintu (rumahku) dengan ketukan yang amat kuat lalu bertanya apakah dia (Umar) berada di sana (di rumah) maka aku terkejut terus aku keluar kepadanya (sahabat) lalu dia berkata sesungguhnya telah berlaku perkara yang dahsyat -Umar berkata: aku telah pergi kepada Hafsa maka aku dapati dia sedang menangis, aku pun terus bertanya apakah kamu (isteri) yang telah diceraikan oleh Rasulullah, dia menjawab aku tidak tahu, selepas itu aku masuk menghadap Nabi sallallahu alaihi wasallam dengan keadaan aku sedang berdiri aku bertanya: adakah engkau telah menceraikan isteri engkau? Rasulullah menjawab: tidak, lantas aku pun mengucap Allahuakbar.

Analisis:


Fokus dalam sampel ayat hadis ini merujuk kepada kata kerja *madi tanawaba* (تَنَآوَبَ). Perkataan ini berasal daripada kata kerja *madi* tiga huruf iaitu *naba* (نَبَا) yang membawa maksud 'hampir', 'kembali', 'bertaubat' dan 'menggantikannya' (KBAMD 2015: 2454). Kemudian ia ditambah pula dengan kata imbuhan awalan iaitu *ta'* (ت) pada hadapan katanya dan imbuhan sisipan *alif* (ا) selepas huruf pertama kata akhirnya sehingga membentuk kata kerja berimbuhan *madi* baharu iaitu *tanawaba* (تَنَآوَبَ) mengikut *wazn* atau pola *tafa'ala* (تَفَاعَلَ) yang membawa maksud 'melakukan sesuatu berulang kali', 'melakukan sesuatu secara bertukar ganti' atau 'silih berganti' (KBAMD 2015: 2454).

Perkataan *tanawaba* (تَنَآوَبَ) yang sudah dimasuki oleh kata imbuhan ini turut menerima perubahan makna rujukan yang baharu. Ibnu Hajar al-^oAsqalani (2013 1: 119-120) menyebut bahawa perkataan *tanawaba* (تَنَآوَبَ) tersebut merujuk kepada keadaan bergilir-gilir atau silih ganti dalam sesuatu keadaan.

Justifikasinya, kata kerja ini berfungsi sebagai *al-musyarakat* (المُشَارَكَة) membawa maksud 'saling ...' yang menunjukkan sesuatu perbuatan itu dilakukan bersama-sama dan kedua-dua pihak menerima kesan perbuatan tersebut. Terjemahan kalimah *tanawaba* (تَنَآوَبَ) di dalam hadis ini bermaksud 'bergilir'. Terjemahan ini dianggap tepat dengan konteks ayat kerana kalimah *tanawaba* (تَنَآوَبَ) dalam hadis ini menerapkan fungsi *wazn tafa'ala* (تَفَاعَلَ).

4.0 Dapatan

Imbuhan ini mempunyai empat fungsi iaitu *al-musharakah*, *al-takalluf*, *al-tadrij* dan *al-mutawa'ah*. Berdasarkan analisis terhadap empat sampel data sebelum ini mendapati bahawa satu sampel didapati berfungsi sebagai *al-musharakah*, dua sampel didapati berfungsi sebagai *al-tadrij*, dan satu sampel didapati berfungsi sebagai *mutawa'ah*. Ini bermakna hanya 3 fungsi mewakili 75% sahaja fungsi yang terlibat dan diguna pakai dalam sampel. Manakala 1 fungsi lain yang mewakili 25% tidak diguna pakai dalam sampel. Berikut adalah carta pai bilangan dan peratusan fungsi imbuhan yang digunakan atau tidak:



Carta 1: Bilangan dan peratusan fungsi imbuhan wazn *Tafa'ala* yang digunakan atau tidak

5.0 Kesimpulan

Terjemahan merupakan proses untuk memindahkan maklumat daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran dengan padanan yang paling sesuai antara keduanya supaya menghasilkan terjemahan yang tepat dan boleh difahami. Antara proses yang dilakukan adalah mencari padanan makna berdasarkan fungsi morfologi daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran. Selain itu, padanan makna ini adalah amat berkait dengan kata kerja berimbuhan kerana kata kerja ini terhasil daripada gabungan kata akar dan kata imbuhan. Walaupun begitu, terdapat ramai dari kalangan penterjemah menghadapi kesukaran untuk mencari padanan terjemahan derivasi atau kata kerja berimbuhan Arab yang paling tepat atau paling dekat terjemahannya ke dalam bahasa Melayu. Ini mungkin disebabkan oleh kegagalan penterjemah untuk menentukan fungsi terjemahan derivasi dari satu kata kerja.

Limitasi kajian dalam penulisan ini adalah kepada fungsi terjemahan derivasi *tafā'ala* (تفاعل) yang sepadan. Kajian ini dilakukan ke atas empat sampel data daripada وزن (wazn) kata kerja berimbuhan ماضي (mādī) *tafā'ala* (تفاعل) yang dijumpai di dalam *Terjemahan Sahih al-Bukhari* (TSB). Kata Kerja Berimbuhan *tafā'ala* (تفاعل) ini terbentuk dengan penambahan dua jenis imbuhan iaitu 'imbuhan awalan' iaitu morfem ta' (ت) pada awal perkataan dan 'imbuhan sisipan' iaitu morfem alif (ا) selepas huruf pertama kata akar. Imbuhan-imbuhan ini membawa banyak maksud dan fungsi. Wazn ini mempunyai empat fungsi iaitu *al-musharakah*, *al-takalluf*, *al-tadrīj*, *al-mutawa'ah*. Kajian ini menggunakan metodologi kepustakaan dalam pengumpulan data. Rujukan sumber adalah terdiri daripada sumber utama dan sumber sekunder. Sumber utama adalah dari kitab hadis *Fath al-Bārī' Fi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (FBFSSB) dan *Kamus Besar Arab Melayu Dewan (KBAMD)*, manakala data dari sumber sekunder pula adalah dari *Terjemahan Sahih al-Bukhari* (TSB). Sampel-sampel yang terpilih dianalisis secara kontrastif untuk mencari kesamaan antara kedua bahasa dari aspek kata imbuhan yang disisipkan pada suatu kata kerja berimbuhan. Fungsi kata imbuhan yang ditentukan adalah diketahui berdasarkan konteks ayat yang difahami melalui *KBAMD* serta kitab hadis TSB. Kerangka kerja teoritikal dan konseptual telah dikemukakan untuk proses tersebut.

Analisis kajian menunjukkan bahawa terdapat tiga fungsi yang diguna dari empat sampel yang terlibat. Dapatan analisis mendapati bahawa satu sampel adalah dari *al-musharakah*, dua sampel berfungsi sebagai *al-tadrīj*, dan satu sampel berfungsi sebagai *al-mutawa'ah*. Fungsi-fungsi tersebut adalah mewakili 75% daripada keseluruhan fungsi. Manakala baki 25% iaitu fungsi *al-takalluf* tidak ditemui dalam analisis tersebut. Selain itu, dua sampel data didapati telah diterjemahkan dengan mengikut padanan fungsi terjemahan dengan baik. Manakala baki dua sampel disertakan saranan cadangan terjemahan yang lain. Sebagai penutup, penterjemahan dilihat berjaya dilakukan dengan baik walaupun terdapat sedikit cadangan penambahbaikan untuk menjadikan terjemahan tersebut bersifat natural bersesuaian dengan konteks ayat.

Rujukan

- 'Abd al-Ḥamīd, M. D. (2003). *Durūs al-taṣrīf*. Beirut: al-Maktabah al-'Aṣriyyah.
- Abdullah Hassan. (2006). *Morfologi*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- al-Hamlawi, Ahmad Muhammad Ahmad. (2003). *Shadha al-Arf fi Ilm al-Sarf*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Aziz, M. B. (2010). *Ketepatan Padanan Terjemahan Puisi Arab Dalam Kitab La Tahzan: Satu Analisis Bandingan*. (Disertasi Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia).
- Ibrahim, Z., Mat Yassim, A. R., & Supramani. (2006). *Kajian bahasa dan terjemahan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Ismā'īl ibn Kathīr . (2018). *Fath al-Bāri' Fī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Kaherah: Dar al-'alamiyyah
- Kader, M., & Low, B. E. (1993). *Peranan Konteks Dalam Penterjemahan Dan Implikasi Terhadap Pelajaran*. Prosiding persidangan penterjemahan antarabangsa Ke-4. 16-18 November 1993, Kuala Shah Alam, Malaysia, hlm. 67-80.
- Kamus Besar Arab-Melayu Dewan. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2016). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Maheram Ahmad. (2008). *Permasalahan Penterjemahan Arab-Melayu: Satu Analisis Teks Sastera*. Tesis Dr. Fal. Universiti Malaya.
- Mashudi Kader & Low Bee Eng. (1993). *Peranan Konteks Dalam Penterjemahan dan Implikasi Terhadap Pelajaran*. Prosiding Persidangan Antarabangsa Ke-4. hlmn. 67-80.